

## Zuhri permata baru sepak takraw Selangor

SUKANKINI | [January 31, 2017 6:16 pm](#)

GOMBAK 31 JAN: Program pencarian bakat sepak takraw Trio Impian **Perangsang Selangor** bagi Daerah Gombak berjaya mengesan Zuhri Muhammad Zain, pelajar berusia 16 tahun dari Taman Melawati yang dilihat berpotensi dimajukan sebagai atlit sepak takraw Selangor.

Dengan ketinggian hampir 190cm, Zuhri yang beraksi di posisi tekong mempunyai ciri hampir sama dengan tekong kebangsaan terkini iaitu Syahir Rosdi.

Kemampuan beliau melakukan servis ke pelbagai sudut dengan kelajuan yang hebat turut membuatkan bekas pemain negara iaitu Zulkarnain Arif yang turut menjadi jurulatih dalam program ini kagum dengan kemampuan beliau.

Program disertai seramai 42 peserta itu berjalan lancar dan turut mendapat sokongan dari ibubapa sekitar Gombak.

Program ini turut membantu pelajar mempersiapkan diri bagi kejohanan MSSD Gombak yang bakal berlangsung pada Februari ini.



Selain dari Zulkarnain Arif, dua lagi bekas pemain Sepaktakraw Selangor iaitu Mat Supian Samad dan Airul Anwar Azman turut sama mencurahkan ilmu dan pengalaman bagi memantapkan lagi kemahiran peserta program.



Pada hari pertama, peserta didedahkan dengan pelbagai teknik latihan termasuk pendekatan Total Warm-up, Court Graph dan Sports Imagery.

Ketua jurulatih iaitu Syarudin Nazir berpandangan tempoh dua hari program yang turut dibantu oleh Gajah Emas Industries ini mencukupi untuk tujuan pendedahan dan membina jaringan diantara penggiat sepaktakraw bagi daerah Gombak.

Ini turut dijemakan dengan sesi praktikal di mana kejohanan mini turut dijalankan pada hari yang kedua.

Peserta diundi dan membentuk regu lalu perlawanan dengan format liga dijalankan. Regu Korea B muncul juara menewaskan regu Putra Selayang dengan mata 30 – 29.

Maklumat lanjut mengenai program ini boleh didapati di [Bolarotan.com](http://Bolarotan.com) dan juga di Facebook rasmi Bolarotan.

<https://selangorkini.my/2017/01/zuhri-permata-baru-sepaktakraw-selangor/>